

20 MAR 1997

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN 4 APRIL

KOTA BAHARU, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada 4 April.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata Dr Mahathir dijadualkan tiba di sini pukul 8.45 pagi dan pulang ke Kuala Lumpur pukul 6.30 petang.

"Dalam lawatan itu, Perdana Menteri akan merasmikan beberapa kilang serta menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman membabitkan pihak swasta," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional Kelantan di sini hari ini.

Menurutnya selain itu Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan serta ahli-ahli perniagaan di negeri ini.

Annuar yang juga Pengerusi BN Kelantan berkata program khusus mengenai lawatan kerja Dr Mahathir sedang disusun.

Dalam lawatan rasmi itu Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan pemimpin-pemimpin negeri dijangka akan turut serta menyambut ketibaan Dr Mahathir, katanya.

Menurut Annuar lawatan Perdana Menteri ke Kelantan kali ini berbeza dengan lawatan sebelum ini kerana ia tidak mempunyai aturcara politik seperti perhimpunan atau mesyuarat parti.

Beliau berharap hasil lawatan Dr Mahathir akan meninggalkan kesan positif terhadap ekonomi Kelantan. -- BERNAMA

RAR NMO